

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 6 OGOS 2015 (KHAMIS)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                    | <b>Akhbar</b>     |
|------------|---------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1          | STI bentuk masa depan negara                                                    | Utusan Malaysia   |
| 2          | MOSTI Transformasi sistem penyampaian untuk galak penyertaan dalam bidang STI   | Bernamea.com      |
| 3          | Jadikan agenda merakyatkan inovasi jana kekayaan Negara dan rakyat, kata Tangau | Bernamea.com      |
| 4          | Sains asas cabang utama bentuk pemikiran kreatif pelajar                        | Bernamea.com      |
| 5          | Uji sampel air kesan bauksit                                                    | Berita Harian     |
| 6          | Samples taken from bauxite mining area                                          | The Star          |
| 7          | 'No plans to halt bauxite mining'                                               | New Straits Times |
| 8          | AELB ambil sampel di kawasan lombong bauksit untuk analisis – MB Pahang         | Bernamea.com      |
| 9          | 'Siasat dulu'                                                                   | Harian Metro      |
| 10         | Rain and flash floods bring traffic to a halt in Penang                         | The Star          |
| 11         | Amaran ribut petir berterusan sehingga pagi ini - Meteorologi                   | Bernamea.com      |

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 26**  
**TARIKH : 6 OGOS 2015 (KHAMIS)**

# STI bentuk masa depan negara

**KUCHING 5 Ogos** - Sains, teknologi dan inovasi (STI) memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan negara, mengubah kehidupan dan membantu menyelesaikan masalah sosioekonomi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Wilfred Madius Tangau berkata, manfaat STI memberikan impak yang luas kepada *bottom billion* (sebahagian besar penduduk) iaitu 1.4 bilion golongan kurang bernasib baik di dunia dengan perolehan kurang AS\$1.25 (RM4.80) sehari.

Katanya, di negara ini, kerajaan memberi fokus khas kepada golongan kurang bernasib baik yang sama dikenali sebagai B40 iaitu 40 peratus terendah dalam piramid pendapatan.

"Pertama, usaha bersepadu perlu dilakukan untuk menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi menyelesaikan cabaran dihadapi *bottom billion*.

"Kita perlu menetapkan keutamaan yang betul dengan tekad

dan menghasilkan penyelesaian atau dengan kata lain kemajuan R&D yang membantu rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Seri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur yang mewakilinya untuk merasmikan Forum Global Pemimpin dan Ketua Pegawai Eksekutif R&D di sini hari ini.

Yang turut hadir Presiden Akademi Sains Malaysia (ASM), Tan Sri Dr. Ahmad Tajuddin Ali.

Persidangan dua hari anjuran ASM bertema 'Menyuntik Roh dalam R&D' diharap dapat menyedarkan pihak berkepentingan untuk mencari jalan membangun dan menyelesaikan cabaran diha-

dapi manusia pada masa kini

Mengulas lanjut, Wilfred Madius berkata, dalam usaha menyelesaikan soal kemiskinan, pihaknya perlu melihat cara meningkatkan

pe m b a n g u n a n ekonomi secara adil dan inklusif di samping menggalakan perkembangan mekanisme kewangan inovasi baharu bagi menyelesaikan masalah dana.

"Inovasi teknologi perlu dibuat agar mampu milik dan dapat diakses oleh semua orang.

"Perkara ini pastinya melibatkan kerja keras dan anja-

kan paradigma, namun kita semua berkongsi tanggungjawab bersama kepada manusia untuk mula bertindak serta menyuntik 'roh' dalam kerja R&D kita sekarang," ujarnya.



**WILFRED MADIUS TANGAU**



## **MOSTI Transformasi Sistem Penyampaian Untuk Galak Penyertaan Dalam Bidang STI**

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** akan mentransformasi sistem penyampaian di kementerian itu bagi menggalakkan penyertaan rakyat dalam bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Menterinya yang baharu **Datuk Wilfred Madius Tangau** berkata ia bertujuan memastikan peringkat akar umbi terlibat secara langsung dalam penghasilan produk inovasi baharu yang boleh dikomersilkan.

"Sekarang ini kalau ilmu Sains, Teknologi dan Inovasi semuanya dijana oleh penyelidik seperti di institusi pengajian tinggi atau institusi penyelidikan," katanya kepada Bernama selepas mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara di sini, Selasa.

Beliau berkata penglibatan rakyat sangat penting dalam usaha membangunkan bidang STI pada masa hadapan yang sejajar dengan teras Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) iaitu pertumbuhan ekonomi berpaksikan rakyat.

"Dengan mandat yang diberikan kepada saya, saya akan memberi perhatian khusus kepada cadangan projek-projek di bawah RMK11 dengan membuat anjakan daripada projek-projek berciri 'business as usual' kepada 'game changer' yang bakal melonjakkan daya saing dan prestasi STI negara ini," katanya.

Mengulas lanjut, Madius berkata STI bukan sahaja terhad kepada bidang ilmu pengetahuan malah ia juga boleh menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara menerusi pengkomersialan produk inovasi terbaharu.

Sehubungan itu, beliau berharap semua pihak akan terus berusaha bersamanya untuk mencapai matlamat Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) iaitu menjadi sebuah negara yang maju dalam bidang sains menjelang 2020.

-- BERNAMA



## Jadikan Agenda Merakytakan Inovasi Jana Kekayaan Negara Dan Rakyat, Kata Tangau

KOTA KINABALU, 5 Ogos (Bernama) -- [Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wilfred Madius Tangau](#) ingin menjadikan agenda merakytakan inovasi sebagai realiti dan berupaya menjadi salah satu penjana utama kepada kekayaan serta ekonomi negara dan rakyat.

Tangau berkata selama ini inovasi negara banyak dicipta di dalam makmal oleh para profesor sedangkan rakyat biasa Malaysia juga tidak kurang kemampuannya dalam mencipta inovasi yang boleh membantu Malaysia bagi mencapai wawasan negara menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

"Saya diberi amanah untuk melihat satu agenda penting negara iaitu untuk menjana kekayaan negara melalui sains, teknologi dan inovasi. Dalam hal ini, kalau selama ini agenda inovasi adalah sebagai agenda kerajaan, tetapi selepas ini ia bukan sahaja agenda kerajaan tetapi kita akan jadikan dia sebagai agenda rakyat.

Ini bermakna kita akan mengambil langkah-langkah merakytakan inovasi, sains dan teknologi. Dengan cara ini rakyat biasa juga akan memberi sumbangan dalam hal-hal inovasi yang bertujuan menjana kekayaan negara, mempertingkatkan ekonomi untuk mencapai dasar kerajaan dan melahirkan masyarakat berpendapatan tinggi pada tahun 2020," katanya.

Tangau, yang dilantik menyertai barisan Kabinet Persekutuan dalam rombakan kabinet yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak Selasa lepas, berkata demikian sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) di sini hari ini. Ketibaannya kira-kira pukul 5 petang itu di sambut oleh pemimpin dan anggota parti Pertubuhan Pasokmomogun Kadazandusun Murut Bersatu (UPKO).

Menurut Tangau agenda merakytakan inovasi di Malaysia amat penting dan yakin ia mampu dicapai kerana sebelum inipun seorang rakyat biasa Malaysia yang berasal dari Segamat, Johor, dengan keupayaan inovasinya telah mencipta nama di Taiwan apabila ciptaan 'pen-drive'nya mendapat sambutan di pasaran.

Tangau berkata idea ciptaan 'blanko' atau 'liquid paper' yang dimulakan oleh seorang jurutaip dan bukannya seorang profesor juga menunjukkan bahawa rakyat biasa boleh menjadi pelopor dalam menghasilkan inovasi untuk kepentingan masyarakat dan negara.

"Mengapa tidak mengeluarkan ciptaan kita (di negara kita) sendiri. Ini bererti ada keperluan untuk merakytakan inovasi supaya rakyat biasa boleh mengeluarkan sesuatu inovasi atau ciptaan berasaskan penyelesaian masalah rakyat yang dihadapi seharian.

Inilah antara amanat yang diberikan kepada saya oleh perdana menteri pagi tadi bahawa agenda inovasi amat penting melibatkan rakyat," katanya.

Mengenai perlantikannya menyertai Kabinet Persekutuan, Tangau yang juga Pemangku Presiden UPKO mengucapkan terima kasih kepada perdana menteri kerana memberinya kepercayaan memikul amanah berkenaan serta Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman atas sokongannya untuk beliau menganggotai kabinet.

Katanya beliau akan melaksanakan tugas berkenaan sebaik-baiknya untuk membantu kerajaan dalam mencapai dasar-dasar yang ditetapkan di bawah kepimpinan Najib serta memperkukuh Kerajaan Barisan Nasional.

--BERNAMA



## Sains Asas Cabang Utama Bentuk Pemikiran Kreatif Pelajar

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Persatuan Sains Malaysia (MSA) menggesa pihak berwajib memberi tumpuan serius untuk menarik lebih ramai pelajar meminati sains asas kerana bidang itu adalah cabang utama bagi mewujudkan pemikiran yang lebih kreatif dan inovatif.

Timbalan Presiden MSA, Datuk Dr Mohinder Singh berkata sains asas seperti bioteknologi, kimia dan geologi harus diberi penekanan kepada pelajar di sekolah rendah dan menengah.

"Kita dapati trend pada hari ini kebanyakan pelajar jurusan sains cenderung memilih jurusan popular seperti doktor dan jurutera walhal terdapat banyak lagi sub bidang lain seperti sains marin dan nano teknologi.

"Kemajuan sains dan teknologi bergantung kepada fundamental sains yang kukuh dan jika asas ini tidak dihargai, kemajuan bidang ini tidak akan berjaya direalisasikan mengikut hasrat kerajaan," katanya kepada Bernama selepas Simposium Penghargaan Awam Terhadap Sains, Teknologi dan Inovasi (PASTI 2015) di sini, Rabu.

PASTI 2015 yang julung kali diadakan melibatkan kerjasama antara beberapa sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)** dan MSA.

Sementara itu, **Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOSTI, Datuk Dr Mohd Azhar Yahya** berkata generasi muda perlu didedahkan dengan kelebihan sains asas pada peringkat awal agar bidang itu tidak ketinggalan dan dilupakan dalam merealisasikan negara berpendapatan tinggi.

"Terdapat peningkatan dalam pemilihan bidang sains setiap tahun, bagaimanapun jumlah itu masih kecil dan belum mencapai sasaran nisbah 60 peratus bidang sains dan bidang sastera 40 peratus seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan," katanya.

# Uji sampel air kesan bauksit

» Pahang  
perlu 30  
hari ketahui  
hidupan laut  
terdedah racun  
arsenik

Oleh Amin Ridzuan Ishak  
aminridzuan@bh.com.my

■ Kuantan

**T**empoh 30 hari diperlukan kerajaan negeri bagi mengetahui sama ada hidupan laut di sekitar Pantai Pengorak berhampiran Kawasan Perindustrian Gebeng, dekat sini, terdedah bahan radioaktif dan racun arsenik akibat perlombongan bauksit.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) sudah mengambil sampel air, tanah dan bauksit di Sungai Pengorak, Pantai Pengorak dan tempat mencuci lori mengangkut bauksit di kawasan perindustrian itu, Isnin lalu.

Katanya, keputusan ujian sampel AELB itu kemudian akan digunakan bagi mengambil sebarang tindakan susulan kerana kerajaan negeri sentiasa mengutamakan kepentingan orang ramai.

"Kita tunggu dulu keputusan ujian sampel berkenaan sebelum membuat sebarang kesimpulan dan mengambil sebarang tindakan susulan bagi mengatasi masalah yang mungkin timbul.

"Berkaitan soal lesen dike-



Adnan bersama EXCO Pahang melawat tapak bauksit di Rancangan Tanah Pemuda (RTP) Bukit Goh, semalam.

luarkan (untuk melombong bauksit) tidak begitu penting pada masa ini, sebaliknya kesihatan orang ramai perlu diutamakan," katanya ditemui pada mesyuarat EXCO di Yayasan Pahang, di sini, semalam.

## Kaji semula royalti

Beliau mengulas laporan sebuah akhbar berhubung analisis sampel air dan ikan daripada Pantai Pengorak dan Sungai Pengorak, di sini, tercemar dan kandungan logam seperti arsenik yang tinggi.

Mengulas lanjut, Adnan berkata, pihaknya mengambil serius perkara itu dan mengemukakan laporan media berhu-

bung pelbagai isu termasuk kesan kegiatan perlombongan bauksit bagi membolehkan tindakan segera diambil.

"Malah, pengusaha bauksit akan takut kerana aktiviti mereka diperhatikan. Ada yang melakukan kesalahan dan tidak mengikuti etika sudah ditetapkan kerajaan bagi mengurangkan masalah dihadapi penduduk sekitar.

"Kerajaan negeri tidak mahu dilihat mengambil sikap menafikan masalah itu dan mahu memperbaiki keadaan," katanya.

Adnan berkata, pihaknya juga akan mengkaji semula kadar royalti yang ketika ini ditetapkan pada kadar lima peratus daripada pengeluaran

bauksit.

"Kerajaan negeri hanya memperoleh royalti RM37 juta daripada Januari sehingga bulan ini, jumlahnya lebih sedikit berbanding hasil pengusaha yang menikmati pendapatan beratus-ratus juta ringgit," katanya.

Selepas sidang media berkenaan, Adnan bersama 10 EXCO, pegawai agensi berkaitan dan wakil media melakukan tinjauan di sekitar kawasan perlombongan bauksit bagi melihat sendiri masalah terbabit secara lebih dekat.

Kawasan dilawati rombongan berkenaan adalah di sebuah lombong bauksit berhampiran Sekolah Kebangsaan (SK) RTP Bukit Goh.

# Samples taken from bauxite mining area

## Tests to be done for radioactive contamination

By ONG HAN SEAN  
hansean@thestar.com.my

KUANTAN: Samples have been taken from the Sungai Pengorak area here to be tested for radioactive contamination allegedly caused by bauxite residues.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob said the results would be known in about a month's time.

"The Department of Environment (DoE) and the Atomic Energy Licensing Board have already collected water, earth and bauxite samples from the sites. They have been sent to Dengkil for analysis but the findings can only be established one month from now," Adnan told reporters after the state exco meeting here yesterday.

He said the DoE had reported that water samples collected from Sungai Pengorak and the nearby sea contained pollutants that exceeded acceptable standards.

Adnan also said the state government was not in denial of the issues raised but for the time being, bauxite mining operations would still be allowed to continue.

"There have been some improvements to bauxite mining activities ever since we issued strict orders.

"However, we cannot take the drastic measure of cancelling all of the mining licences outright because these activities contribute to the

economy," he said.

Adnan was responding to a news report alleging that unregulated bauxite mining had released radioactive materials into the environment.

The latest report contradicted state Public Amenities and Environment Committee chairman Datuk Seri Mohd Soffi Abd Razak's earlier statement that samples from the same sites did not contain heavy metals hazardous to life forms.

Mohd Soffi said his previous statement was based on the results of a

test conducted following the "red sea" incident on May 14.

"The Environment Department took samples from Sungai Pengorak and Pantai Pengorak as well as lorry wash troughs in the area. It was sent to the Chemistry Department for analysis, which did not find any traces of heavy metals.

"The Fisheries Department also confirmed that dead fish found on the beach were actually thrown overboard by fishermen who sorted out their catch while still at sea," he said.



**Friendly banter:** Adnan chatting with lorry drivers who transport bauxite at a coffee shop in Bukit Goh, Kuantan.

# 'No plans to halt bauxite mining'

**ISSUES:** Income of landowners, mining workers will be affected, says Pahang MB

**NIK IMRAN ABDULLAH**  
KUANTAN  
nikimran@nst.com.my

**T**HE Pahang government has no plans to immediately shut down bauxite mining operations here despite reports of the hazards to public health and environment.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob said a shutdown order could not be issued as "issues like loss of income for landowners, mining workers, including lorry drivers, needed to be considered too".

"But our main concern is to protect the health of the people and the environment."

Adnan said the state Department of Environment (DoE) had, on Mon-



Pahang Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob talking to lorry drivers involved in the transportation of bauxite, in Kuantan yesterday.

day, sent samples of earth, water and bauxite to the Atomic Energy Licensing Board (AELB) headquarters for analyses to verify the radiation levels as reported in the *New Straits Times* (NST).

"The result will only be known in a month. We cannot say for certain now whether the radioactive levels are safe.

"For the time being, we allow the

mining operations to continue." Asked if the mining operations would be closed down if the result from AELB showed hazardous levels from radiation, Adnan said.

"We will cross the bridge when we come to it.

"We may need an in-depth study if the findings from AELB show a high level of radioactivity from the bauxite mining."

Adnan said the state government had earned RM37 million from the five per cent royalties imposed on the revenue from bauxite mining.

The NST had run a series of articles over the past three days based on surveys and laboratory findings of contaminations in a stream and sea waters off here.

Among the findings were elements of heavy metals, arsenic and radiation, which were tested to be above permissible levels when water samples from areas near mining operations were analysed at an independent laboratory.

Adnan thanked the newspaper for highlighting the issue and said the NST reports would help the state government in tackling the problem and educate miners to be more careful in their operations.

"We have not kept quiet (when the reports were published) as we are trying to gather more information on the matter.

"We are not denying the findings (made by NST) but we are trying to establish the facts.

"The state government appreciates the coverage and criticisms as

this will help us handle the problem," he said during a break in the state executive council meeting at the Pahang Foundation Complex here.

State Public Amenities and Environment Committee chairman Datuk Seri Mohd Soffi Abdul Razak said his statement on May 26 on the safety of water off Kuantan as a result of the so-called "red sea" phenomenon brought about by bauxite mining was based on facts.

He said the samples were sent for analysis at the state Chemistry Department on May 15, a day after the phenomenon happened.

"The results showed that the elements of contamination in the water were still within the permissible levels under the stipulated standards. There were no traces of heavy metals as of May 15, when the samples were tested."

He said DoE was monitoring the situation and that the most recent analysis of the water showed the contents of contamination remained above the permissible levels.

"However, the quantity of contamination is dropping."



## **AELB Ambil Sampel Di Kawasan Lombong Bauksit Untuk Analisis - MB Pahang**

KUANTAN, 5 Ogos (Bernama) -- **Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB)** telah mengambil sampel air, tanah serta bauksit di kawasan perlombongan bahan mineral itu di daerah ini yang dikatakan mengandungi bahan radioaktif untuk dianalisis.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata sampel itu diambil pada 3 Ogos lepas di sungai dan Pantai Pengorak serta tempat mencuci lori mengangkut bauksit, bagaimanapun keputusannya hanya akan diketahui dalam tempoh sebulan.

"Kita tunggu hasil ujian tersebut sebelum membuat sebarang ketetapan atau tindakan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco kerajaan negeri di Yayasan Pahang di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan sebuah akhbar mengenai kewujudan bahan radioaktif dan beracun seperti arsenik di sekitar kawasan perlombongan bauksit di daerah ini hasil analisis sampel air serta ikan yang diambil di kawasan itu.

Katanya, Jabatan Alam sekitar sebelum ini telahpun beberapa kali mengambil sampel air dan ikan di kawasan yang terjejas namun tidak mengesan kehadiran bahan radioaktif.

"Ikan yang dilaporkan ditemukan mati di kawasan pantai di daerah ini berpunca daripada sikap nelayan yang membuang ikan yang tidak dikehendaki mereka di tengah laut yang kemudian hanyut ke pantai, bukan berkait dengan pencemaran" katanya.

Dalam masa yang sama, Adnan mengalu-alukan laporan media mengenai kegiatan perlombongan di negeri dan kesannya yang menjejaskan orang ramai dan alam sekitar.

"Saya mengalu-alukan pemberitaan seperti ini dan mengucapkan terima kasih kepada media. Kita tidak menafikan masalah ini dan dalam masa yang sama kerajaan negeri juga tidak pernah mendiamkan diri kerana banyak langkah telah kita ambil untuk menanganinya.

"Namun dalam masa yang sama kita juga tidak boleh menghentikannya (aktiviti perlombongan bauksit) kerana ia turut menyumbang kepada kegiatan ekonomi setempat termasuk menyediakan peluang pekerjaan dan pemandu lori pun mampu memperoleh pendapatan antara RM3,000 sehingga RM7,000 sebulan," katanya.

Katanya dengan pendedahan berterusan oleh pihak media juga akan menyebabkan pengusaha bauksit lebih takut untuk melakukan kesalahan, sekaligus mematuhi peraturan ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Beliau berkata kerajaan negeri juga akan mengkaji semula kadar royalti bagi pengeluaran hasil bauksit iaitu pada kadar lima peratus ketika ini.

Kemudiannya Adnan bersama-sama barisan Exco dan pegawai agensi berkaitan melakukan lawatan mengejut ke kawasan penyimpanan bauksit berhampiran Sekolah Rendah RPT Bukit Goh di sini.

-- BERNAMA

HUKUM ROKOK ELEKTRONIK

# 'Siasat dulu'

## ■ Perlu laporan daripada Jabatan Kimia

Oleh Rizanizam Abdul Hamid  
mrizanizam@hmetro.com.my  
Kuala Lumpur

**D**ua negeri, Perak dan Negeri Sembilan masih belum menetapkan sebarang hukum mengenai perbuatan menghisap rokok elektronik atau vapor yang semakin popular dalam kalangan umat Islam di negara ini.

Mufti Perak Tan Sri Harussani Zakaria berkata, setakat ini negeri itu belum mengadakan perbincangan untuk menetapkan hukum perbuatan itu walaupun Wilayah Persekutuan, semalam sudah mengeluarkan hukumnya adalah haram.

"Sebelum menetapkan hukum kita kena siasat dulu, kena ada laporan daripada **Jabatan Kimia** sebab hukum bukannya boleh dibuat berdasarkan sangkaan semata-mata.

"Setakat ini kita belum bincangkan lagi, malah Jawatankuasa Fatwa Majlis

Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) juga belum membuat sebarang keputusan mengenai penggunaan vapor," katanya ketika dihubungi Harian Metro, semalam.

Semalam akhbar melaporkan, Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri memutuskan hukum haram dalam Islam bagi perbuatan menghisap rokok elektronik atau vapor.

Keputusan itu, katanya, dibuat selepas meneliti laporan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pentadbiran Makanan dan Ubatan Amerika Syarikat (USFDA) yang mendapati ia terbukti tidak selamat digunakan dan mempunyai nikotin yang boleh menjejaskan kesihatan orang ramai termasuk risiko menghidap kanser.

Sementara itu, Timbalan Mufti Negeri Sembilan Nor Azamir Alias berkata, Jabatan Mufti Negeri Sembilan

juga mungkin akan membincangkan perkara itu dalam waktu terdekat.

"Setakat ini kita belum ada ketetapan mengenai hukum kerana ada yang kata vapor tidak menghasilkan asap, sebaliknya wap.

"Namun sekiranya kaedah pembakarannya sama macam rokok konvensional yang hanya dimodenkan tetapi cara penyedutan seperti sisha yang diharamkan di negeri ini, maka vapor juga sepatutnya haram," katanya.

Beliau berkata, ini kerana hukumnya kembali kepada memudaratkan kesihatan berdasarkan hadis Nabi yang bermaksud, tidak ada yang memudaratkan dan tidak boleh kita memudaratkan.

Zulkifli dalam kenyataannya itu yang turut diupload di laman web mufti-wp.gov.my berkata, anggap bahawa rokok elektronik sebagai alternatif kepada cara berhenti merokok juga menyimpang daripada asas.

**KERATAN AKHBAR**  
**THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 8**  
**TARIKH: 6 OGOS 2015 (KHAMIS)**



**Wet morning:**  
 Vehicles making  
 their way through  
 floodwaters at  
 Tingkat Mak  
 Mandin in  
 Butterworth,  
 Penang. — ASRI  
 ABDUL GHANI / The  
 Star

## Rain and flash floods bring traffic to a halt in Penang

**GEORGE TOWN:** A 15-minute trip to work by car turned into a two-hour nightmare for assistant company secretary Loke See Mun due to the heavy rain which hit Penang.

"I left my home in Jalan Lim Lean Teng and came across the traffic which was at a standstill in Jalan Terengganu at 8am. I decided to wait out the traffic and only reached my office in Jalan Yeap Chor Ee at 10am.

"The wet season must be back," said the 24-year-old woman.

Henry Butcher Penang vice-president Max Wong was not so lucky as he was stuck on the Penang Bridge for nearly two hours.

"It has never happened to me before. What a tiring morning," he said, adding that he only reached

his office in Jalan Burma at 10.30am.

Wong and Loke were among thousands of Penangites who were late for work yesterday as traffic was almost at a standstill along all the main roads, no thanks to the rain which started at about 3am, flash floods and two accidents.

The accidents included a four-car pile-up near The Light Waterfront along Tun Dr Lim Chong Eu Expressway and a car-and-taxi collision along Jalan Sultan Azlan Shah near the Penang Skills Development Centre.

A human resources manager in a multinational corporation, who declined to be named, said more than 20% of her workforce were late.

"The morning crawl was horri-

ble. My colleagues came in grumbling about the two accidents and the rain, which upset all of our meeting schedules," she said.

Low-lying roads around Jalan Burma, Jalan Dato Keramat and within the heritage enclave became flooded and created bottlenecks as motorists slowed down or veered to avoid floodwaters.

Penang Island City Council (MBPP) workers were seen in many parts of the city, clearing the clogged drains to ease the water flow.

Jalan P. Ramlee resident Mohd Shukor Mohd Don, 51, who lives 30m from Sungai Pinang, said motorists were lucky it was low tide.

"It was flooded here at 3am. My house had about 20cm of water. But

I am used to it. I grew up here. No matter how the government digs the river, it still floods when it is high tide with heavy rain," he said.

On the mainland, floods hit Taman Cantik off Jalan Permatang Pauh and the roads along SJK (Tamil) Mak Mandin and the Sungai Nyior toll plaza of the Butterworth-Kulim Expressway.

The flood also inconvenienced road users, especially school children and office workers, as traffic slowed to a crawl along low-lying roads.

However, there were no untoward incidents.

The Malaysian Meteorological Department website forecasts cloudy and rainy days for Penang until Tuesday.



## Amaran Ribut Petir Berterusan Sehingga Pagi Ini- Meteorologi

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Ribut petir yang berlaku di kawasan perairan Kedah, Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dijangka berterusan sehingga awal pagi ini.

Jabatan Meteorologi Malaysia dalam satu kenyataan berkata kawasan yang terlibat ialah Mukah, Bintulu dan Miri, semuanya di Sarawak manakala di Sabah, kawasan yang terbabit ialah Kudat, Pantai Barat, Pedalaman dan Sandakan.

Menurut kenyataan itu, keadaan tersebut boleh menyebabkan angin kencang dengan kelajuan 50 kilometer sejam (km/j) dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

"Keadaan ini berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut," tambah kenyataan itu.

Sementara itu, angin kencang dengan kelajuan 40 hingga 50 km/j dan laut bergelora dengan ombak setinggi 3.5 meter juga berlaku di sekitar perairan Sabah membabitkan Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan dan Sulu sehingga Ahad ini.

Menurut kenyataan itu, keadaan ini juga berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

-- BERNAMA